

PORTAL PENGURUSAN LATIHAN UKM (e-Latihan)

NUR HANISAH ZAINAL
SAIDAH SAAD

Fakulti Teknologi & Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Perkhidmatan perundingan dan latihan sering dianjurkan oleh PTJ perkhidmatan dan fakulti di UKM. Ketiadaan satu laman web yang khusus yang dapat mengumpul setiap maklumat mengenai perkhidmatan perundingan dan latihan yang dianjurkan oleh setiap organisasi menyukarkan pengguna untuk mendapat maklumat dan penyertaan yang diterima juga sedikit serta tidak memberangsangkan. Portal Pengurusan Latihan UKM (e-Latihan) merupakan satu platform pengumpulan maklumat dari sumber yang berbeza ke dalam satu laman web agar maklumat dapat disebarkan dengan pantas, sah dan selamat. Pembangunan portal ini dapat membantu pengguna bagi mendapatkan maklumat perkhidmatan perunding dan latihan yang terdapat di UKM secara mudah. Maklumat terkini berkenaan perkhidmatan perundingan dan latihan dapat dikongsi secara efektif. Disamping itu juga pengguna boleh membuat tempahan latihan secara langsung melalui portal ini. Teknologi yang digunakan sepanjang pembangunan sistem ini adalah menggunakan bahasa pengaturcaraan HTML5 dan CSS3 di samping penggunaan MySQL. Portal ePerunding diharapkan dapat menjadi alternatif untuk penyebaran maklumat serta tempahan rundingan dan latihan yang baharu kepada warga UKM.

1 PENGENALAN

Perkembangan teknologi maklumat di dalam negara ini semakin berkembang dari semasa ke semasa dan penggunaannya juga amat meluas tanpa mengira bangsa mahupun usia. Seiring dengan perkembangan ini telah menyebabkan banyak aplikasi, portal dan juga sistem-sistem berasaskan web dibangunkan bagi memenuhi dan memudah pelbagai keperluan pengguna. Dengan wujudnya aplikasi dan portal, maka banyak maklumat yang boleh dikongsi dan dicapai tanpa sempadan. Untuk memudahkan pengguna mencapai maklumat, satu portal berasaskan web yang mempunyai informasi sesuatu produk atau perkhidmatan perlu dibangunkan dan portal tersebut perlulah interaktif serta mesra pengguna.

Pada masa kini, portal merupakan sumber yang amat penting dalam menyampai maklumat berguna kepada manusia. Ia mengandungi maklumat setempat dan bermanfaat bagi menyenangkan pengguna mencari maklumat. Portal merupakan satu laman web yang menjadi satu pusat sehenti (*one stop center*) dalam rangkaian Internet bertujuan untuk memenuhi semua keperluan pengguna. Portal juga boleh dianggap sebagai satu pusat data yang mengumpul pelbagai maklumat di dalamnya.

Dunia bergerak pantas dan perubahan berlaku terlalu cepat sehingga jika seseorang terlambat ia akan ketinggalan. Justeru, bagi individu yang mampu menyesuaikan diri dengan perkembangan ini pasti akan dapat memacu kejayaan. Di atas dasar inilah menyebabkan individu mahupun organisasi ingin mencari perunding latihan dan jurulatih terbaik bagi membantu mereka untuk terus kompetitif dan memacu ke peringkat bukan hanya menggapai hasil luar biasa tetapi kepuasan sebenar. Oleh itu, banyak pertubuhan perunding latihan telah diwujudkan dengan menawarkan perkhidmatan seperti sesi rundingan peribadi, bengkel berkumpulan, seminar dan kursus untuk organisasi. Ia diwujudkan dengan usaha untuk membangunkan sumber manusia secara holistik bagi mencapai kecemerlangan yang bersepadu merangkumi diri, keluarga, masyarakat dan organisasi..

Universiti Kebangsaan Malaysia juga tidak terkecuali dalam menawarkan perkhidmatan perunding latihan. Ia selaras dengan hasrat UKM yang ingin membentuk masyarakat dinamis, berilmu dan berakhlak mulia.

2 PENYATAAN MASALAH

Perkhidmatan perundingan dan latihan sering dianjurkan oleh Pusat Tanggungjawab dan fakulti di UKM. Namun hebahan mengenai perkhidmatan perundingan dan latihan ini seringkali tidak dapat diketahui oleh semua warga UKM dan pihak luar. Medium perkongsian maklumat perkhidmatan perunding latihan yang terdapat di UKM sekarang hanyalah di laman web e-warga, e-mel dan Facebook. Ketiadaan satu laman web yang khusus yang dapat mengumpul setiap maklumat mengenai perkhidmatan perundingan dan latihan yang dianjurkan oleh setiap organisasi menyukarkan pengguna untuk mendapat maklumat. Oleh itu penyertaan yang diterima juga sedikit dan tidak memberangsangkan. Untuk mengatasi masalah ini, satu Portal Pengurusan Latihan UKM (e-Latihan) akan dicadangkan sebagai penyelesaian untuk membantu penyebaran maklumat khidmat latihan di sekitar UKM dan Bangi.


3 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif projek ini adalah untuk membangunkan sebuah Portal Pengurusan Latihan UKM (e-Latihan) yang menggunakan teknologi terkini bagi memenuhi keperluan pengguna portal.

- i. Mengumpul perkhidmatan perundingan dan latihan yang terdapat di UKM di dalam satu pangkalan data terpusat untuk dikongsi bersama
- ii. Menyediakan platform bagi warga UKM dan sekitar untuk membuat tempahan latihan yang disediakan
- iii. Memaparkan maklumat perkhidmatan perundingan dan latihan yang lengkap di dalam UKM bagi pelbagai peringkat pengguna sama ada pelajar, kakitangan atau warga luar UKM
- iv. Membangun portal dengan mengintegrasikan pelbagai maklumat dan sistem yang berkaitan dalam portal untuk memudahkan proses pencarian maklumat.

4 METOD KAJIAN

Metodologi yang digunakan untuk membangunkan portal ini adalah menggunakan Model *Incremental Development*. Model ini sesuai digunakan kerana keperluan sistem adalah jelas dan mudah difahami. Di dalam model ini, keseluruhan keperluan akan dibahagikan kepada beberapa bahagian. Setiap bahagian akan melalui empat fasa iaitu fasa keperluan, reka bentuk dan pembangunan, pengujian dan pelaksanaan. Rajah 1.1 menunjukkan pendekatan model *Incremental Development* yang digunakan.



Rajah 1 Model Incremental Development

Rajah 1 di atas menunjukkan pendekatan model *Incremental Development* yang akan digunakan semasa membangunkan portal e-Latihan. Di dalam model *Incremental Development* keseluruhan keperluan akan dibahagikan kepada beberapa fasa pembangunan. Tujuh modul yang telah dikenalpasti untuk dibangunkan adalah modul pendaftaran pengguna, modul pendaftaran latihan, modul pengesahan latihan, modul jadual latihan, modul tempahan latihan, modul pengesahan kehadiran dan modul laporan latihan. Setiap modul yang dibangunkan akan melalui fasa reka bentuk dan pembangunan, pengujian dan pelaksanaan.


Antara kelebihan utama model *Incremental Development* adalah walaupun semasa pembangunan sistem dijalankan, pembangun sistem boleh mengkaji semula sistem bersama pengguna. Jika pengguna bersetuju dengan sistem yang dibangunkan, pembangun boleh meneruskan pembangunan sistem sehingga selesai. Namun, jika pengguna bertindak

sebaliknya iaitu tidak bersetuju atau ingin menambah keperluan lain, sistem perlu dibaiki dan diubahsuai mengikut spesifikasi keperluan yang diinginkan oleh pengguna.

Oleh itu, dengan permintaan dan keperluan pengguna yang dijangkakan akan sentiasa berubah-ubah, maka kaedah *Incremental Development* amat sesuai diguna pakai dalam proses pembangunan Portal Pengurusan Latihan UKM.

Dalam fasa pembangunan yang dijalankan, proses rekabentuk memainkan peranan yang penting terutama rekabentuk pangkalan data. Pangkalan data adalah tulang belakang untuk sesebuah sistem berasaskan maklumat. Semua maklumat yang dikehendaki akan disimpan pada sebuah pangkalan data. Sistem boleh membaca atau menyalin pada pangkalan data berdasarkan arahan yang telah ditetapkan pada aturcara.

Rajah 2 menunjukkan rajah kelas bagi Portal Perunding Latihan UKM (e-Latihan) yang mempunyai tiga kelas utama.




Rajah 2 Rajah kelas e-Latihan

Reka bentuk memainkan peranan penting dalam pembangunan sesebuah sistem. Reka bentuk yang terancang dan mudah difahami dapat memudahkan lagi proses pembangunan sistem. Pembangunan perlu sentiasa merujuk kepada lakaran reka bentuk yang telah dirancang bagi memuaskan hati pengguna.

5 HASIL KAJIAN

Bahagian ini membincang hasil daripada proses pembangunan Portal Pengurusan Latihan. Rajah 3 menerangkan kes kepenggunaan untuk Portal e-Latihan. Kes kepenggunaan ialah gambaran berkenaan interaksi antara fungsi sistem dan aktor yang terlibat. Pengguna yang menggunakan sistem ini adalah penganjur latihan, pentadbir sistem dan pengguna yang terdiri

daripada warga UKM dan pihak luar. Tugas penganjur adalah untuk mendaftarkan program latihan yang akan berlangsung. Seterusnya pentadbir akan mengesahkan status latihan untuk dipaparkan ke dalam jadual latihan. Melalui paparan jadual latihan tersebut pengguna yang berdaftar di benarkan untuk membuat tempahan program. Laporan latihan yang akan dijana adalah senarai peserta mengikut program. Penganjur boleh memuat turun senarai peserta terus melalui sistem.



Rajah 3 Kes Kepenggunaan portal e-Latihan

Bermula daripada Rajah 4 sehingga Rajah 5 adalah antaramuka yang umum bagi setiap pengguna. Setelah daftar masuk ke dalam sistem, sistem akan mengarah laman mengikut jenis pengguna samada penganjur, pengguna atau pentadbir. Pada Rajah 7 dan Rajah 11 adalah antaramuka sistem yang digunakan oleh penganjur. Manakala pada Rajah 6, Rajah 9 dan Rajah 10 adalah antaramuka sistem yang digunakan oleh pengguna.

Rajah 4 Laman Log Masuk

Rajah 5 Laman Daftar Pengguna

Rajah 6 Laman Jadual Latihan

Halaman Utama | Jadual | Kalender | Pengguna | Penganjur | Pentadbir | Nur Hanisah bt Zainal

Borang Permohonan Latihan

Maklumat Penganjur

Pemohon: Nur Hanisah bt Zainal
 Telefon: 010-5318081
 Emel: aneesazainal152@gmail.com
 Penganjur:

Maklumat Program

Program:
 Penerangan Program:
Maximum character is 500

Tarikh Mula:
 Tarikh Akhir:
 Masa Mula:
 Masa Mula:
 Lokasi:
 Kumpulan Sasaran:
 Yuran:
 Maximum Peserta:

Rajah 7 Laman Pendaftaran Latihan

Halaman Utama | Jadual | Kalender | Pengguna | Penganjur | Pentadbir | Nur Hanisah bt Zainal

Senarai Permohonan Latihan

| # | Program | Status Permohonan | Action |
|---|--------------------------------------|-------------------|--|
| 1 | Transformasi Minda, Diri Dan Kerjaya | Lulus | <input type="button" value="Perinci"/> |
| 2 | Kembara Gegar Gopeng | Lulus | <input type="button" value="Perinci"/> |

Rajah 8 Laman Pengesahan Pendaftaran Latihan

Halaman Utama Jadwal Kalender Pengguna Penganjur Pentadbir Nur Hanisah bt Zainal

Perincian Latihan

Transformasi Minda, Diri Dan Kerjaya

Penganjur : Unit Latihan, PPUKM
 Penerangan Program : Transformasi Minda, Diri Dan Kerjaya
 Tarikh Mula : 2017-05-24
 Tarikh Akhir : 2017-05-27
 Masa Mula : 07:00:00
 Masa Akhir : 17:00:00
 Lokasi : dectar
 Kumpulan Sasaran : Terbuka
 Kos : Percuma
 Maximum Peserta : 50

Rajah 9 Laman Tempahan

Halaman Utama Jadwal Kalender Pengguna Penganjur Pentadbir Nur Hanisah bt Zainal

Tempahan

| # | Program | Tarikh | Masa | Lokasi | Action | Kehadiran | |
|---|--------------------------------------|------------|----------|--------|--|--------------------------------------|--|
| 1 | Transformasi Minda, Diri Dan Kerjaya | 2017-05-24 | 07:00:00 | dectar | <input type="button" value="Details"/> | <input type="button" value="Hadir"/> | <input type="button" value="Tidak Hadir"/> |
| 2 | Kembara Gear Gopeng | 2017-05-29 | 08:00:00 | gopeng | <input type="button" value="Details"/> | <input type="button" value="Hadir"/> | <input type="button" value="Tidak Hadir"/> |

Rajah 10 Laman Pengesahan Kehadiran

| # | Program | Bilangan Memohon | Action |
|---|--------------------------------------|------------------|---|
| 1 | Transformasi Minda, Diri Dan Kerjaya | 1 | Senarai Peserta Cetak Senarai Peserta |
| 2 | Kembara Gegar Gopeng | 1 | Senarai Peserta Cetak Senarai Peserta |

Rajah 11 Laman Laporan Latihan

6 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, projek ini bertujuan untuk menghasilkan satu portal yang mempunyai satu pusat data yang mengumpul pelbagai maklumat di dalamnya. Portal e-Latihan akan digunakan bagi membantu warga UKM dan sekitar dalam penerimaan maklumat perkhidmatan perunding latihan di UKM. Ini akan memudahkan hebahan dan penyertaan oleh warga UKM dan pihak luar. Ia juga merupakan satu platform bagi warga UKM dan pihak luar untuk membuat tempahan latihan yang diperlukan. Pembangunan projek ini diharap dapat memenuhi semua prinsip pembangunan portal dan dapat diterima oleh para pengguna.

RUJUKAN

- BenFrain. 2012. Responsive Web Design with HTML5 and CSS3. <http://eduvantage.omvvim.edu.in/index.php/eduvantage/article/view/18>
- Weng Jiang, Meng Zhang, Bin Zhou, Yujian Jiang, Yingwei Zhang. 2014. Responsive web design mode and application. In Proceedings - 2014 IEEE Workshop on Advanced Research and Technology in Industry Applications. <http://doi.org/10.1109/WARTIA.2014.6976522>
- David Wells, Madan Sheina, Chris Harris-Jones. 2000. Enterprise Portals: New Strategies for Information Delivery (Ovum Report).